

# DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN KUALA KRAI 2020

## APA ITU RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN KUALA KRAI

Ia merupakan satu dokumen perancangan yang menyatakan semua cadangan pembangunan gunatanah dan fizikal secara terperinci mengikut lot-lot tanah bagi seluruh Jajahan Kuala Krai sehingga tahun 2020 yang berkeluasan 227,670.01 hektar.

## PERUNTUKAN PERUNDANGAN

Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai ini disediakan mengikut perundangan di bawah **Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**.

## KANDUNGAN RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN KUALA KRAI

Laporan ini mengandungi dua jilid untuk di pamerkan :-

- **Jilid I Pernyataan Bertulis :-** Strategi Dan Cadangan Mengikut Sektor.
- **Jilid II Peta Cadangan Dan Kelas Kegunaan Tanah :-** Garis Panduan Pembangunan Khusus Dan Peta Cadangan Guna Tanah.

## Info Jajahan Kuala Krai

| Daerah Dalam Jajahan Kuala Krai | Luas (Hektar)     | Jumlah (Penduduk) |
|---------------------------------|-------------------|-------------------|
| Batu Mengkebang                 | 82,496.76         | 55,975            |
| Olak Jeram                      | 84,007.06         | 24,665            |
| Dabong                          | 61,166.19         | 11,131            |
| <b>JUMLAH</b>                   | <b>227,670.01</b> | <b>91,771</b>     |

## KEGUNAAN RANCANGAN TEMPATAN ADALAH SEBAGAI PANDUAN PEMBANGUNAN KEPADA SEMUA PIHAK

1. Pihak Berkuasa Tempatan akan menggunakan pakai semua peta cadangan, pelan-pelan berkaitan, kelas kegunaan tanah dan garis panduan di dalam proses kebenaran merancang secara lebih sistematik, cepat dan efisien.
2. Memudahkan agensi-agensi kerajaan sebagai agensi pelaksana untuk menyusun program-program pembangunan berkaitan dan menyelaras permohonan peruntukan kewangan mengikut fasa-fasa pembangunan.
3. Tuan-tuan tanah akan mengetahui jenis gunatanah masing-masing pada masa akan datang. Sekaligus akan maklum tentang potensi dan jangka nilai tanah mereka.
4. Bagi pelabur-pelabur ekonomi pula akan lebih mengetahui potensi pembangunan yang akan dibangunkan oleh mereka dari segi pasaran dan permintaan.
5. Bagi penduduk pula akan mengetahui semua jenis kegunaan tanah yang dicadangkan mengikut kawasan dan lokasi.
6. Rancangan Tempatan Kuala Krai ini juga akan di semak semula dalam tempoh tertentu bagi melihat sama ada masih boleh diterimapakai atau perlu dipinda mengikut keadaan semasa akibat daripada pembangunan yang pesat berlaku atau sebaliknya.

منچع دان مماجوکن جاھن  
کوالا کرای اداله متلامت کیت برسام

## DIMANA BOLEH ANDA MENYEMAK LAPORAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN KUALA KRAI

**A**nda boleh menyemak Laporan Draf Rancangan Tempatan Kuala Krai ini bermula pada 15 November 2011 hingga 22 Disember 2011 di tempat seperti berikut ;-

- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan, Blok 4, Aras Bawah, Kota Darul Naim,  
15646 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.
- Pejabat Tanah & Jajahan Kuala Krai  
18000 Kuala Krai,  
Kelantan Darul Naim.
- Majlis Daerah Kuala Krai  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
18000 Kuala Krai,  
Kelantan Darul Naim.
- Majlis Daerah Dabong  
18200 Dabong,  
Kelantan Darul Naim.
- Majlis Daerah Dabong, Cawangan Laloh  
18050 Kuala Krai  
Kelantan Darul Naim.

**Masa Semakan : Waktu Pejabat (Ahad - Khamis)**

**"MAJLIS PERASMIAN PUBLISITI DRAF RANCANGAN TEMPATAN JAJAHAN KUALA KRAI PADA 23 NOVEMBER 2011 DI HOTEL NEW PASIFIC KOTA BHARU, KELANTAN"**

واوسن قمباغونن جاھن کوالا کرای  
"کوالا کرای معمور لیستاری،"  
دابوڠ ڦربغ سمولا جادی "



## APAKAH PERANAN ANDA

- Anda diberi peluang untuk melibatkan diri dalam perancangan di kawasan anda.
- Anda boleh mengemukakan pandangan secara bertulis / lisan kepada Majlis Daerah Kuala Krai / Majlis Daerah Dabong dengan mengisi Borang Bantahan Awam yang disediakan oleh pihak urusetia.
- Anda juga boleh mengemukakan Bantahan dan Cadangan melalui faksimili 09-9663284 ke Majlis Daerah Kuala Krai dan 09-9667345 ke Majlis Daerah Dabong.

## MENGISI BORANG BANTAHAN

Mengisi cadangan dan bantahan anda di dalam borang Bantahan Awam yang disediakan dan diserahkan kepada pegawai pameran yang bertugas atau hantar borang tersebut ke alamat berikut sebelum atau pada 29 Disember 2011 :-

|   |   |
|---|---|
| <b>YANG DIPERTUA</b><br><b>MAJLIS DAERAH KUALA KRAI,</b><br><b>JALAN SULTAN YAHYA PETRA,</b><br><b>18000 KUALA KRAI,</b><br><b>KELANTAN DARUL NAIM.</b> | <b>YANG DIPERTUA</b><br><b>MAJLIS DAERAH DABONG,</b><br><b>18200 DABONG,</b><br><b>KELANTAN DARUL NAIM.</b> |
|---|---|

## MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUSA SIASATAN TEMPATAN DAN PENDENGARAN AWAM


Anda boleh juga mengemukakan cadangan atau bantahan secara lisan semasa Mesyuarat Jawatankusa Siasatan Tempatan dan Pendengaran. Untuk menghadiri mesyuarat tersebut anda dikehendaki mengisi Borang bantahan yang disediakan dan bersetuju untuk hadir ke mesyuarat tersebut.

## PUBLISITI

### DRAF RANCANGAN TEMPATAN

### JAJAHAN KUALA KRAI 2020

15 NOVEMBER 2011 – 22 DISEMBER 2011



## ANJURAN :-



MAJLIS DAERAH KUALA KRAI



MAJLIS DAERAH DABONG

## DENGAN KERJASAMA :-



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
Semenanjung Malaysia  
( Pejabat Projek Zon Timur )

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa  
Negeri Kelantan